

15/02/2003

OIC tidak cukup kuat untuk pengaruhi Amerika Syarikat

Prof Madya Dr Azmi Hassan

KRISIS yang melanda Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (Nato) di antara

Perancis, Jerman, Belgium dan Amerika Syarikat (AS) sebenarnya mempamerkan

bagaimana dunia menentang dasar AS menangani isu Iraq.

Perselisihan mengenai kaedah penyelesaian isu Iraq di antara Perancis, Jerman dan AS terserlah sebaik saja Setiausaha Negara AS, Colin Powell, menyampaikan hujah bagaimana Iraq telah mencabuli Resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSCR) 1441 pada 5 Februari lalu.

Bukan saja Perancis dan Jerman menampik saranan Powell tetapi ahli Majlis Keselamatan yang lain seperti Russia dan China mengesyorkan supaya pemeriksa senjata PBB dan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) diberi lebih masa menjalankan tugas.

Perselisihan ini sampai ke kemuncaknya apabila negara anggota Nato yang bersempadan dengan Iraq, iaitu Turki, telah meminta bantuan ketenteraan daripada anggota Nato yang lain untuk melindungi mereka daripada ancaman Iraq.

Turki telah menggunakan Artikel 4 Perlembagaan Nato yang menyatakan anggota Nato perlu memberi perlindungan kepada anggota Nato yang diancam kedaulatan wilayahnya.

Turki telah meminta bantuan ketenteraan dalam bentuk peluru berpandu Patriot, kapal terbang pengintip AWACS dan perkakasan pelindung serangan biologi dan kimia.

Selain Perancis dan Jerman, Belgium juga menentang keras permintaan Turki. Ketiga-tiga anggota Nato ini berpendapat jika permintaan Turki dipenuhi, ini akan membawa pengertian bahawa peperangan dengan Iraq tidak dapat dielakkan.

Dunia sedang menyaksikan pertembungan lima kuasa besar, iaitu AS, Britain, Russia, Perancis dan China. Percakaran di Majlis Keselamatan PBB disebabkan isu Iraq manakala Nato yang sedang berada di ambang kehancuran pula - walaupun berpunca dari masalah Iraq - dan penyebab utamanya adalah Turki.

Paling ironis ialah kedua-dua negara berkenaan adalah anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

OIC ditubuhkan pada 25 September 1969 di Rabat, Maghribi, bertitik dari peristiwa pencabulan Masjid Al-Aqsa oleh anasir jahat Zionis pada 21 Ogos 1969.

Hari ini OIC dianggotai oleh 57 negara Islam yang mana Iraq dan Turki masing-masing menyertai OIC pada 1975 dan 1969.

Tetapi paling menakjubkan ialah walaupun kedua-dua negara anggota OIC yang menjadi penyebab krisis, nampaknya OIC bagaikan tidak ambil peduli apa yang berlaku.

OIC ditubuhkan di atas prinsip untuk mempertahankan maruah, kemerdekaan dan hak umat Islam tetapi jelas prinsip ini tidak dilaksanakan. Bukan saja masalah Iraq tetapi masalah rakyat Chechnya, Palestin dan Uighur bagaikan tidak wujud dalam OIC.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melahirkan rasa kecewa terhadap OIC kerana gagal bertindak terhadap kepentingan negara Islam, terutama isu Iraq. Perkara ini, tambah Perdana Menteri, berlaku kerana OIC lemah dan sebab itu pandangan pertubuhan ini tidak akan dihiraukan oleh AS.

OIC lemah kerana negara anggotanya lemah dari segi ekonomi dan ketenteraan. Apabila sesebuah negara itu lemah, maka pandangan negara itu tidak akan dipedulikan kerana ia tidak mampu membuat tindakan susulan.

Lima anggota Majlis Keselamatan yang mempunyai kuasa pembatal, iaitu AS, Britain, Russia, China dan Perancis tidak mewakili kepentingan umat Islam.

Malah, AS dan Britain ingin menghancurkan umat Islam di Iraq, China pula ingin menghapuskan umat Islam Uighur manakala Russia menindas umat Islam di Chechnya.

Antara 10 anggota Majlis Keselamatan tidak tetap, hanya Pakistan dan Syria dikatakan mewakili kepentingan negara Islam. Tetapi tidak diketahui

sejauh mana kedua-dua negara ini akan bertahan bersama Perancis, Russia dan China untuk melawan arus niat jahat AS dan Britain.

Syria dikatakan tidak boleh diharap sangat kerana apabila Majlis Keselamatan meluluskan UNSCR 1441 pada 8 November 2002, Syria turut memberi sokongan terhadap usul AS. Ramai penganalisis berpendapat bahawa Syria sekurang-kurangnya harus mengambil pendirian berkecuali untuk menunjukkan sokongan terhadap umat Islam Iraq.

Ketua pemeriksa senjata PBB, Hans Blix, menyampaikan laporan terkini mengenai status pemeriksaan, semalam. Ketika rencana ini ditulis, tidak diketahui apakah bentuk laporan yang dikemukakan Blix.

Tetapi AS telah cuba mempengaruhi dan mewarnai laporan Blix dengan mencanangkan bahawa mereka mempunyai bukti yang menunjukkan Iraq sedang membangunkan peluru berpandu balistik berjarak sederhana.

Salah satu ketetapan UNSCR 687 selepas Perang Teluk 1991 ialah Iraq tidak dibenar membangunkan peluru berpandu yang mempunyai capaian jarak melebihi 150 km.

AS mendakwa pemeriksa senjata telah membongkar pembangunan peluru berpandu balistik Al-Samoud Two yang mampu mencapai jarak sehingga 180 km.

AS sanggup menggunakan berita yang telah dianggap basi kerana program Al-

Samoud sememangnya telah diisytiharkan oleh Iraq kepada PBB dengan menyatakan Al-Samoud hanya mempunyai jarak capaian 150 km.

Tujuan berita ini disebarikan ialah cubaan AS untuk mempengaruhi

sentimen

penentangan dunia terhadap tindakan menyerang Iraq. Jika AS gagal untuk mempengaruhi Perancis, Russia dan China menggunakan isu pencabulan UNSCR 1441, maka AS akan menggunakan segala helah yang ada supaya laporan Blix mengikut kehendak penggubal polisi perang Rumah Putih. Isu Al-Samoud dianggap remeh kerana status pencabulan UNSCR 687 hanyalah kepada interpretasi jarak 30 km.

Ramai penganalisis berpendapat bahawa AS telah menggunakan isu pita Osama Bin Laden untuk mempengaruhi Blix supaya mengemukakan laporan yang lebih memihak kepada kehendak Rumah Putih. Tiga hari lalu, satu pita rakaman yang dikatakan mempunyai suara Osama menyeru umat Islam menyerang kepentingan AS dan sekutunya.

AS dan Britain mengambil peluang siaran pita ini untuk mengeluarkan arahan berjaga-jaga kepada rakyat masing-masing.

Britain telah memperketatkan kawalan terhadap Lapangan Terbang Heathrow

manakala AS dengan penuh dramatik menasihatkan rakyat mereka untuk berjaga-jaga daripada serangan biologi dan kimia kumpulan al-Qaeda.

Tidak diketahui setakat mana kesahihan pita rakaman suara Osama tetapi Powell dan George Tennes, iaitu Pengarah Agensi Perisikan Pusat (CIA), begitu pantas mengesahkan kesahihan suara Osama.

Penyebaran berita palsu mengenai pengganas adalah tidak asing, malah ada

yang sengaja dilakukan oleh agensi perisikan AS. Beberapa bulan lalu, berita yang mengatakan pengganas al-Qaeda telah menyusup masuk ke AS dari

Kanada ternyata sengaja direka dan telah digunakan oleh Biro Siasatan Persekutuan (FBI) AS tanpa usul periksa.

Semua helah ini dilakukan untuk memberi tekanan kepada negara yang menentang rancangan AS. Sasaran utama AS ialah tiga anggota yang mempunyai

kuasa pembatal di Majlis Keselamatan PBB, iaitu Perancis, Russia dan China.

Ketika ini, Perancis menerima tekanan yang paling hebat kerana AS cuba menggambarkan tentangan yang ditunjukkan oleh Perancis, Jerman dan Belgium

dalam Nato tidak menggambarkan penentangan Eropah keseluruhannya.

Jika Perancis bersetuju dengan rancangan AS, maka Jerman dan Belgium tidak akan bertahan lama dengan penentangan mereka. Jika ini berlaku, ia bermakna seluruh anggota Nato sebulat suara bersetuju untuk menyerang Iraq.

Russia dan China tidak akan mempunyai banyak pilihan jika laporan Blix semalam memihak kepada AS. Anggota Majlis Keselamatan tidak tetap lain seperti Jerman, Mexico, Chile, Guinea, Cameroon, Syria, Angola dan Pakistan sudah pasti tidak akan bertahan jika Perancis, Russia dan China akur dengan kehendak AS.

Apa yang pasti ialah umat Islam Iraq tidak boleh berharap sangat dengan

Nato atau Majlis Keselamatan PBB kerana lambat-laun penentangan akan dapat

disingkirkan oleh AS. Hanya OIC yang dapat memainkan peranan menyekat niat

AS menyerang Iraq tetapi malangnya anggota OIC tidak cukup kuat untuk

mempengaruhi AS.

Lebih malang lagi, sebahagian besar anggota OIC mempunyai senjata minyak untuk mempengaruhi dasar perang AS tetapi tidak mampu menggunakannya dengan efektif. Lebih menyedihkan lagi ada anggota OIC yang secara terang menyokong tindakan AS untuk menyerang Iraq.